

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

SOALAN

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan
sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengesan, menangkap dan membawa
balik ke Malaysia individu yang bernama Low Taek Jho (Jho Low) .**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Low Taek Jho atau dikenali sebagai Jho Low dan bapanya Low Hock Peng dikehendaki oleh pihak berkuasa negara ini bagi membantu siasatan berhubung syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Kedua-dua individu ini dipercayai berada di luar negara dan usaha mengesan dan membawa balik mereka ke Malaysia masih diteruskan.

Ketua Polis Negara juga telah beberapa kali membuat kenyataan melalui media mengenai komitmen pihak PDRM untuk membawa balik Jho Low ke Malaysia bagi menghadapi pertuduhan jenayah di mahkamah.

Pada 24/08/2018 dan 4/12/2018, pihak PDRM telah memfailkan 13 pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(A), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 terhadap Jho Low di Mahkamah Putrajaya dan Mahkamah Kuala Lumpur melibatkan kes 1MDB. Selain daripada itu, *Red Notice* (Fugitive Wanted for Prosecution) juga telah dikeluarkan oleh Interpol ke atas Jho Low dan *Red Notice* tersebut masih aktif dan berkuatkuasa sehingga ke hari ini.